



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
Bil. 11

26hb Mei 2016

*TAMBAHAN
No. 1*

No. 1393.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*), Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia.

Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG
Ketua Audit Negara
Malaysia

PUTRAJAYA
19 Jun 2015

PENYATAAN DATUK BANDAR IPOH
DAN AHLI MAJLIS

Kami, Dato' Harun bin Rawi dan Dato' Haji Mohamad Raduan bin Mohd Kasim yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh, Perak Darul Ridzuan pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Majlis,

Bagi Pihak Majlis,

DATO' HARUN BIN RAWI
Datuk Bandar Ipoh
Tarikh: 23 Februari 2015

DATO' HAJI MOHAMAD RADUAN
BIN MOHD KASIM
Ahli Majlis
Tarikh: 23 Februari 2015

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian, Pengarah Kewangan Bandaraya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya) t.t.
diakui oleh penama di atas)
di Ipoh, Perak Darul Ridzuan)
pada 23 Februari 2015)

Di hadapan saya,

t.t.
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	191,756,735	162,858,004
Kerja Dalam Pelaksanaan	6	11,828,477	37,709,226
		<u>203,585,212</u>	<u>200,567,230</u>
ASET SEMASA			
Inventori - Hartanah untuk dijual	7	472,438	472,438
Penghutang	8	46,964,869	43,673,008
Bayaran Terdahulu	9	1,051,616	3,028,034
Pendahuluan Pinjaman kepada Anggota	10	1,962,076	1,582,696
Pelaburan Simpanan Tetap	11	60,150,000	39,850,000
Tunai di Bank dan di Tangan	12	7,885,607	3,141,205
		<u>118,486,606</u>	<u>91,747,381</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	13	8,618,729	8,425,718
Terimaan Terdahulu	14	13,370,128	10,234,057
Deposit	15	12,558,881	10,092,575
Pajakan dan Sewa Beli	16	1,049,616	1,049,616
		<u>35,597,354</u>	<u>29,801,966</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>82,889,252</u>	<u>61,945,415</u>
		<u>286,474,464</u>	<u>262,512,645</u>
Dibiayai oleh:			
Rezab Modal	17	68,583,655	68,909,031
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	18	70,049,990	64,433,658
Kumpulan Wang	19	124,056,428	110,275,355
		<u>262,690,073</u>	<u>243,618,044</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman - Persekutuan	20	11,042,534	11,042,534
Pajakan dan Sewa Beli	21	1,451,226	2,500,842
Pinjaman - Negeri	22	11,290,631	5,351,225
		<u>23,784,391</u>	<u>18,894,601</u>
		<u>286,474,464</u>	<u>262,512,645</u>

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	NOTA	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	23	122,124,702	104,595,021
Hasil Bukan Cukai	24	42,248,931	35,402,057
Pelbagai Terimaan	25	17,335,096	12,481,194
		<hr/>	<hr/>
Jumlah Pendapatan		181,708,729	152,478,272
		<hr/>	<hr/>
Tolak:			
PERBELANJAAN			
Emolumen	26	85,857,857	85,517,784
Perkhidmatan dan Bekalan	27	62,092,146	54,300,072
Aset	28	190,585	331,408
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	29	1,485,258	1,395,530
Susutnilai	30	10,451,330	9,685,125
Pembangunan	31	280,531	1,745,132
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	32	8,138,744	6,844,797
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH PERBELANJAAN		168,496,451	159,819,848
		<hr/>	<hr/>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan ke KW Lebihan Terkumpul		13,212,278	(7,341,576)
		<hr/>	<hr/>

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

Kumpulan Wang	Pinjaman Kenderaan		Pinjaman Komputer		Pembelian Kerajaan		Program Bandaraya		Rumah Bunting Harmoni		Program Pembinaan Kemiskinan Bandar		Bayaran Bil Lampu Jalan/ Isyarat		Pusat Transformasi Bandar (UTC)		Pembangunan Harta Modal		Caj Penjualan		Lebihan Terkumpul		Jumlah Kumpulan Wang		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1/1/2013	1,150,000	350,000	7,076,564	120,193	96,926	257,495	10,401,908	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	99,590,463	119,043,549	0	22,952,181
Tambahan Dalam Tahun	350,000	0	10,462,747	816,986	203,110	145,888	9,046,284	1,927,166	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kurangan Dalam Tahun	0	(50,000)	(15,803,336)	(805,245)	(9,800)	(171,266)	(5,759,067)	(1,780,085)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kurangan Pendapatan Tahun Semasa	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Baki Pada 31/12/2013	1,500,000	300,000	1,735,975	131,934	290,236	232,117	13,689,125	147,081	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	92,248,887	110,275,355	0	21,729,146
Tambahan Dalam Tahun	500,000	0	3,112,747	631,308	1,080	34,224	703	4,069,213	13,368,571	11,300	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kurangan Dalam Tahun	0	0	(2,810,733)	(635,382)	(8)	(60,906)	(13,689,828)	(3,963,494)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Baki Pada 31/12/2014	2,000,000	300,000	2,037,989	127,860	291,308	205,435	0	252,800	13,368,571	11,300	105,461,165	124,056,428	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Kumpulan Wang	Rezab Modal		Pembelian Kerajaan Yang Dipermodalakan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1/1/2013	119,043,549	69,177,934	21,312,227	209,533,710	0	21,729,146
Tambahan Dalam Tahun	22,952,181	0	44,160,919	67,113,100	0	(21,485,727)
Kurangan Dalam Tahun	(24,378,799)	(268,903)	0	(24,647,702)	0	(1,887,626)
Pindahan Kepada Pendapatan Tertangguh	0	0	(1,039,488)	(1,039,488)	0	0
Kurangan Pendapatan Tahun Semasa	(7,341,576)	0	0	(7,341,576)	0	0
Baki pada 31/12/2013	110,275,355	68,909,031	64,433,658	243,618,044	0	13,212,278
Tambahan Dalam Tahun	21,729,146	0	7,503,958	29,233,104	0	0
Kurangan Dalam Tahun	(21,160,351)	(325,376)	(1,887,626)	(1,887,626)	0	0
Pindahan Kepada Pendapatan Tertangguh	0	0	0	0	0	0
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	13,212,278	0	0	13,212,278	0	0
Baki pada 31/12/2014	124,056,428	68,583,655	70,049,990	262,690,073	0	124,056,428

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	13,212,278	(7,341,576)
Pelarasan bagi		
Program Bandaraya Ipoh	261,808	352,261
Susutnilai	10,451,330	9,685,125
Kerugian dari Pelupusan Harta Tetap	11,475	0
Keuntungan dari Jualan Hartanah	(97,173)	(262,998)
Keuntungan dari Pelupusan Aset	0	(182,286)
Hapuskira Aset	749,685	906,695
Pendapatan Tertangguh	(1,887,626)	(1,039,488)
Faedah Diterima	(2,231,526)	(1,823,026)
Faedah Dibayar	214,094	194,598
Lebihan Bersih dari aktiviti operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	20,684,345	489,305
Kenaikan dalam Penghutang	(3,498,711)	(9,091,344)
Tambahan Peruntukan Hutang Ragu	206,850	1,101,680
Kenaikan/(Kurangan) dalam Pemiutang	1,107,424	(405,009)
Kenaikan/(Kurangan) dalam Terimaan Terdahulu	3,136,071	(849,530)
Kenaikan dalam Deposit (Kenaikan)/Kurangan dalam pendahuluan berikut:	2,466,306	900,151
Pinjaman Kenderaan (Islam)	(374,597)	(395,918)
Pinjaman Komputer (Islam)	(4,783)	8,206
Kurangan/(Kenaikan) dalam Bayaran Terdahulu	1,976,418	(1,782,882)
Tunai dihasilkan dari (digunakan dalam) aktiviti operasi	25,699,323	(10,025,341)
Pinjaman Kenderaan	500,000	350,000
Pinjaman Komputer	0	(50,000)
Program Bandaraya Ipoh	(265,881)	(340,520)
Pemberian Kerajaan	302,014	(5,340,589)
Rumah Pangsa Buntong Harmoni	1,072	193,310
Program Kemiskinan Bandar	(26,682)	(25,378)
Pusat Transformasi Bandar (UTC)	105,718	147,081
Caj Pemajuan	11,300	0
Pembangunan Harta Modal	13,368,571	0
Pemberian Bil Lampu Jalan/Isyarat	(13,689,125)	3,819,024
Aliran tunai bersih dihasilkan dari/ (digunakan dalam) aktiviti operasi	26,006,310	(11,272,413)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Kerja dalam pelaksanaan	(721,477)	(545,583)
Inventori – Hartanah untuk dijual	0	2,069,000
Hasil dari Jualan Hartanah	97,173	240,000
Hasil dari Jualan Aset	10,770	182,303
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	A (1,347,980)	(2,697,569)
	_____	_____
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,961,514)	(751,849)
	_____	_____
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan		
Faedah-faedah diterima	2,231,526	1,823,026
Faedah-faedah dibayar	(182,304)	(185,902)
Pinjaman Kerajaan Negeri	0	(100,000)
Pemiutang Pajakan Kewangan – Aim Force	0	(126,000)
Pemiutang Pajakan Kewangan – MHS	0	(71,211)
Pemiutang Sewa Beli – MBB	(1,049,616)	(1,052,226)
Pinjaman Berjangka – MBB	0	(99,656)
Simpanan Tetap (yang dicagarkan)	0	5,000,000
	_____	_____
Aliran tunai bersih dihasilkan dari aktiviti kewangan	999,606	5,188,031
	_____	_____
Penambahan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan setara tunai	25,044,402	(6,836,231)
	_____	_____
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	42,991,205	49,827,436
	_____	_____
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	B 68,035,607	42,991,205
	_____	_____

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI:

A. Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan

Pemberian Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

	2014 RM	2013 RM
Jumlah tambahan Hartanah, Loji dan Peralatan	1,676,616	8,613,144
Tolak:		
(a) Bangunan Majlis yang diperaku siap tetapi masih belum dibayar pada kontraktor	(328,636)	(1,246,291)
(d) Perolehan melalui Pinjaman dari Kerajaan Negeri	0	(4,669,284)
Pembelian secara tunai	1,347,980	2,697,569

B. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Pelaburan Simpanan Tetap	60,150,000	39,850,000
Tunai di Bank dan Tangan	7,885,607	3,141,205
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	68,035,607	42,991,205

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT AM

1.1 VISI

Ipoh Bandaraya Mampan, Dinamik dan Cemerlang Menjelang Tahun 2020.

1.2 MISI

Menerajui urus tadbir secara strategik dan inovatif ke arah bandaraya yang kondusif dan mampan untuk kesejahteraan warga kota.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan Majlis diketuai oleh Datuk Bandar Ipoh dan dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang juga merupakan Jawatankuasa bagi Majlis Bandaraya Ipoh yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membantu membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan.

Bagi mencapai objektif dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada warga kota, dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 246/07/2010 pada 29 Oktober 2010 telah meluluskan cadangan penyusunan semula struktur organisasi Majlis. Cadangan ini juga telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri dalam perjumpaan Bil. 1661 bertarikh 1 Jun 2011. Majlis menyifatkan penyusunan semula ini sebagai daya inovasi bagi merealisasikan transformasi organisasi ke arah kecemerlangan secara menyeluruh sebagaimana yang dihasratkan pemimpin Negara. Penyusunan semula organisasi ini telah dilaksanakan secara pentadbiran berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011.

Penyusunan semula pembahagian jabatan secara sektoral iaitu Teknikal, Operasi dan Pengurusan yang diketuai oleh tiga orang Timbalan Setiausaha. Ia juga melibatkan pewujudan Pejabat Korporat dan Jabatan Khidmat Pengurusan. Pembahagian Jabatan mengikut sektor adalah seperti berikut:

Sektor Teknikal

1. Jabatan Perancangan Bandar
2. Jabatan Kejuruteraan
3. Jabatan Bangunan
4. Jabatan Lanskap dan Rekreasi

Sektor Operasi

1. Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan
2. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran
3. Jabatan Hal Ehwal Komuniti

Sektor Pengurusan

1. Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Jabatan Kewangan
3. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Pejabat-pejabat di bawah pengurusan Datuk Bandar terdiri dari:

1. Pejabat Undang-undang
2. Pejabat Audit Dalam

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)

1.3 STRUKTUR ORGANISASI—(*sambungan*)

3. Pejabat Korporat
4. Bahagian Pusat Kelulusan Setempat (OSC)
5. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

1.4 PENJAWATAN

Kumpulan Penjawatan	Penjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
JUSA	1	Tetap	1
Pengurusan dan Profesional	43	Tetap	35
Sokongan I	702	Tetap	637
Sokongan II	1,689	Tetap	1374

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis Bandaraya Ipoh ditubuhkan pada 27 Mei 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*). Ia diketuai oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik. Pengurusan Majlis dibahagikan kepada 10 Jabatan dan 6 pejabat bahagian di bawah Pengurusan Datuk Bandar yang diketuai oleh pegawai pengurusan dan professional. Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan Bandaraya Ipoh yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 643 km persegi dan kawasan operasi seluas 388 km persegi.

Objektif Majlis

Menghasilkan mutu kehidupan yang lebih selesa dan seimbang serta meninggikan taraf hidup bagi semua penduduk dalam kawasan Majlis dengan cara:

- (a) Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf hidup penduduk dalam kawasan Majlis.
- (b) Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
- (c) Menggalak dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.
- (d) Mengindahkan Bandaraya Ipoh bersesuaian dengan tarafnya sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Perak Darul Ridzuan di samping menggalakkan industri dan pentadbiran.
- (e) Menggalakkan pertumbuhan industri dan perdagangan.
- (f) Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)

1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(*sambungan*)

Fungsi Majlis

- (a) Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk penyediaan Pelan Struktur.
- (b) Pembangunan pertumbuhan kawasan-kawasan baru.
- (c) Kawalan bangunan, iklan dan papan tanda.
- (d) Perkhidmatan kesihatan seperti kawalan mutu makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
- (e) Pungutan sampah dan kawalan kebersihan bandar raya.
- (f) Pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan.
- (g) Pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan.
- (h) Pengurusan lalulintas.
- (i) Penyediaan kemudahan awam.
- (j) Memperbaiki dan menaikkan taraf kampung-kampung baru/tradisi/ tersusun dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas.

Kuasa dan Bidang Kuasa

- (a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*)
- (b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*)
- (c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (*Akta 133*)
- (d) Undang-undang Kecil Majlis Bandaraya Ipoh

Majlis Bandaraya Ipoh mengamalkan sistem Jawatankuasa bagi membantu Majlis membuat keputusan-keputusan. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Tetap
- (ii) Jawatankuasa Eksekutif
- (iii) Jawatankuasa Penasihat
- (iv) Jawatankuasa Pengurusan Majlis

(i) Jawatankuasa Tetap

Jawatankuasa ini ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan tertentu seperti Seksyen 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) dan lain-lain undang-undang yang berkaitan. Keahliannya juga adalah ditentukan/ditetapkan mengikut peruntukan yang berkenaan itu. Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap tidak memerlukan pengesahan daripada Majlis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(sambungan)

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- (b) Jawatankuasa Pelantikan Anggota
- (c) Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
- (d) Lembaga Tatatertib

(ii) Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Jawatankuasa Tender
- (b) Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
- (c) Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC)

Korum bagi menjalankan Mesyuarat Eksekutif adalah satu pertiga daripada bilangan Ahli Jawatankuasa.

Jawatankuasa ini adalah diwakilkan kuasa mengikut Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) untuk membuat keputusan dan pelaksanaan keputusan tersebut tanpa memerlukan pengesahan oleh Mesyuarat Majlis Penuh.

(iii) Jawatankuasa Penasihat

Perlantikan beberapa Jawatankuasa Penasihat ini juga dibuat mengikut peruntukan seksyen yang sama seperti perlantikan Jawatankuasa Eksekutif tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa Penasihat ini perlu disahkan oleh Majlis Penuh.

Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut ialah:

- (a) Jawatankuasa Penasihat Tujuan-tujuan Am
- (b) Jawatankuasa Penasihat Lalulintas
- (c) Jawatankuasa Penasihat Pelesenan dan Pengiklanan, Penjaja Kecil dan Penguatkuasaan.
- (d) Jawatankuasa Penasihat Kebersihan, Pengindahan dan Pelancongan.
- (e) Jawatankuasa Penasihat Kewangan.
- (f) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastaaan.
- (g) Jawatankuasa Penasihat Sosial, Pendidikan dan Perpustakaan.

Korum bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat adalah satu pertiga daripada bilangan Ahli Jawatankuasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(sambungan)

(iv) Jawatankuasa Pengurusan Majlis

Jawatankuasa Pengurusan Majlis ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk memastikan semua aktiviti-aktiviti Majlis mendapat perhatian yang saksama bagi memastikan kelancaran Pentadbiran Majlis pada keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, kedudukan dan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut telah berjalan di Majlis ini sejak beberapa tahun yang lalu, hanya keahliannya ataupun keanggotaannya sahaja yang kadang-kadang berubah dan mengalami pindaan dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa serta peningkatan keberkesanan kewujudan jawatankuasa itu sendiri.

Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut ialah:

- (a) Jawatankuasa Pengurusan Majlis
- (b) Jawatankuasa Sebutharga
- (c) Jawatankuasa Pembuka Tender
- (d) Jawatankuasa Rundingan Terus
- (e) Jawatankuasa Pemandu Inovasi MBI

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan melalui sumber pendapatan daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan.

Dalam urusan operasi Majlis terdapat berbagai jenis geran dan bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tujuan bantuan dan pemberian ini diberi adalah untuk pemilikan harta, menampung kos operasi dan projek-projek pembangunan dalam kawasan Majlis bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

2. DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia

2.2 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

Pendapatan adalah berdasarkan *Kaedah Akruan* kecuali pendapatan dari Lesen, Perkhidmatan, Bayaran Letak Kereta, Notis dan Denda.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

3. POLISI PERAKAUNAN

3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau penilaian semula ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi harta berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di Penyata Pendapatan.

3.2 PENJEJASAN ASET

Amaun pembawa hartanah, loji dan peralatan dan pembangunan hartanah akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin akan terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan dicaj ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan dianggap sebagai pengurangan penilaian.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susut nilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula di dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.

3.3 KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada perbelanjaan Aset Tetap dan pembangunan hartanah. Hartanah yang sedang dalam pembinaan adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan yang telah dikenalpasti.

Tiada susutnilai yang diperuntukkan bagi Kerja Dalam Pelaksanaan.

3.4 INVENTORI

Inventori adalah hartanah yang belum dijual dinilai berdasarkan kos pembangunannya dan nilai boleh direalisasikan bersih pada nilai yang terendah.

3.5 PENGHUTANG

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk akan dihapuskira apabila dikenalpasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

3.6 PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Peruntukan Hutang Ragu dikenakan ke atas hutang-hutang yang melebihi 6 tahun. Peruntukan Hutang Ragu dinilai dari baki penghutang yang wujud pada akhir tahun.

3.7 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank-bank dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.8 PEMIUTANG

Pemiutang dinyatakan pada nilai kos yang merupakan nilai saksama yang dipertimbangkan akan dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima.

3.9 PAJAKAN KEWANGAN

Pajakan di mana Majlis menganggap sejumlah besar risiko dan ganjaran pemilikan kepunyaan Majlis diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan. Aset yang didapati dengan cara pajakan kewangan dinyatakan pada amaun yang sama dengan bayaran minimum pajakan pada mula pajakan, kurang susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan.

Dalam pengiraan nilai semasa bayaran minimum pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah implisit pajakan, jika ia praktikal boleh ditentukan. Jika tidak, peningkatan pinjaman Majlis digunakan.

3.10 PERJANJIAN SEWA BELI

Aset yang dibeli melalui perjanjian sewa beli akan dipermodalkan dan dinyatakan pada harga kos. Elemen modal bagi pembayaran di masa depan akan direkodkan sebagai liabiliti dan amaun faedah akan dicaj ke Penyata Pendapatan dengan kaedah garis lurus.

3.11 PINJAMAN BERJANGKA

Pinjaman berjangka dinyatakan pada amaun pinjaman diterima selepas menolak kos urusniaga.

3.12 PENILAIAN SEMULA

Bagi Tanah dan Bangunan, penilaian semula dilaksanakan setiap 5 tahun. Penilaian yang terakhir telah dibuat pada tahun 2010 oleh Fadzilah & Fikri Sdn. Bhd. Penilaian dibuat berdasarkan nilai pasaran. Tarikh efektif penilaian tersebut adalah pada 31 Disember 2010.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

3.13 GERAN-GERAN KERAJAAN

Majlis mengiktirafkan terimaan geran daripada Kerajaan sebagai pendapatan Majlis. Segala perbelanjaan terus dicajkan kepada Penyata Pendapatan apabila berlaku pada tahun yang sama. Pembayaran berhubung pembelian Aset Majlis terus dicaj kepada Aset Tetap atau Kerja Dalam Perlaksanaan.

3.14 PENDAPATAN TERTANGGUH

Pendapatan tertangguh merupakan pendapatan daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Ia diambilkira sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat aset berkenaan.

3.15 MANFAAT ANGGOTA

3.15.1 Manfaat Anggota Jangka Pendek

Gaji, Upahan, Imbuan Tetap, Bonus dan faedah-faedah kewangan lain diakrukan pada tahun kewangan di mana perkhidmatan diberikan oleh anggota Majlis.

3.15.2 Pelan Sumbangan Tertakrif

Kewajipan berkanun bagi majikan untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Caruman Pencen (KWCP) akan diakru dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

3.16 SUSUTNILAI

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut *kaedah garis lurus*.

Kadaran bagi susutnilai yang diamalkan adalah seperti berikut:

(a) Bangunan	2% – 3.7%
(b) Loji dan Kenderaan	20%
(c) Peralatan	20%
(d) Aset Sosial	100%

Bagi Tanah Pajakan Majlis, ianya disusutnilaikan mengikut tempoh pajakan yang ditetapkan. Bagi bangunan yang dinilai semula, tempoh jangka hayat bagi harta ini dianggarkan selama 27 tahun atau 3.7% setahun untuk yang dibina sebelum tahun 1993. Sementara yang dibina di antara tahun 1993 hingga 2000 tempoh jangka hayat adalah dianggarkan selama 35 tahun atau 2.86% setahun. Manakala yang dibina di antara tahun 2000 hingga 2005 tempoh dianggarkan selama 40 tahun atau 2.5% setahun. Bangunan yang dibina selepas 2006 adalah dianggarkan 45 tahun atau 2.22% setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4. PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2013

4.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata ini telah disediakan secara berintegrasi di antara modul-modul dalam Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Versi Majlis Bandaraya Ipoh mulai pada tahun 2004.

4.2 PENYATA-PENYATA PENYOKONG

Penyata-penyata penyokong terdiri dari laporan komputer yang disediakan secara automatik dalam SPBT. Walau bagaimanapun, sebahagian dari perakaunan aset disediakan secara manual kerana Modul Aset sedang dibangunkan.

4.3 SIMPANAN TETAP

Jumlah Simpanan Tetap Majlis pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM60,150,000 (2013 : RM39,850,000).

4.4 KOMITMEN MODAL

4.4.1 Projek Pembangunan Lot Menglembu, Ipoh

4.4.1.1 Majlis telah bersetuju menerima cadangan yang dikemukakan oleh syarikat Pahlawan Fizik Sdn Bhd untuk membangunkan Lot 14975, Menglembu, Ipoh bagi skim pembangunan rumah kedai.

4.4.1.2 Ringkasan cadangan adalah seperti berikut:

Komponen Pembangunan	Jumlah Harga Jualan	Pulangan kepada Majlis
14 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat (20' x 75')	RM5,560,000	RM1,825,737

4.4.1.3 Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastaan Majlis pada 19 Julai 2011, Jawatankuasa telah meluluskan pindaan ke atas harga jualan hartanah tersebut dan pulangan kepada Majlis seperti berikut:

Komponen Pembangunan	Jumlah Harga Jualan	Pulangan kepada Majlis
14 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat (20' x 75')	RM5,850,000	RM2,282,171

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.1 Projek Pembangunan Lot Menglembu, Ipoh—(sambungan)

4.4.1.4 Dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Bil. 1718 pada 10 Oktober 2012, telah meluluskan cadangan pembangunan di Lot 14975 tersebut dan bersetuju syarikat Pahlawan Fizik Sdn Bhd (“PFSB”) dilantik untuk memajukan projek pembangunan tersebut.

4.4.1.5 Perjanjian Usahasama telah ditandatangani di antara Majlis dan PFSB pada 5 November 2012.

4.4.1.6 Ringkasan kos dan pulangan yang terlibat adalah seperti berikut:

Komponen Projek	Jumlah Harga Jualan	Pulangan kepada Majlis
14 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat (20' x 75')	RM7,600,000 (tidak termasuk anggaran harga jualan bagi cadangan tambahan (b))	RM2,718,000 pulangan dalam bentuk wang tunai seperti terkandung dalam klausa 3 perjanjian usahasama tersebut
2 Unit Rumah Kedai 3 Tingkat (cadangan tambahan)		

4.4.1.7 Dalam tahun 2013, pihak syarikat telah menjelaskan bayaran premium tanah dan kos-kos lain yang terlibat berjumlah RM1,785,936 bagi tujuan pemilikan tanah tersebut bagi pihak Majlis yang ditolak dari pulangan kepada Majlis.

4.4.1.8 Pihak Majlis telah menerima keseluruhan jumlah pulangan iaitu sebanyak RM2,718,000 seperti yang tertakluk di dalam perjanjian usahasama tersebut.

4.4.2. Projek Pembangunan Tanah Rizab Majlis di Lot 168, 170, 172, 174, 176, 178, 180 & 326 di Chemor.

4.4.2.1 Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastaaan Bil. 50/02/11 bertarikh 18/5/2011 telah meluluskan cadangan pembangunan bagi lot-lot tanah rizab di atas kepada pemaju dilantik, Milan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.2 Projek Pembangunan Tanah Rizab Majlis di Lot 168, 170, 172, 174, 176, 178, 180 & 326 di Chemor.—(sambungan)

Properties melalui surat tawaran bertarikh 7 Disember 2011 dengan pulangan yang ditawarkan kepada Majlis seperti berikut:

Komponen Projek	Harga Jualan	Pulangan kepada Majlis
10 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat (20' x 90')	Harga Jualan lot tengah - RM425,000 per unit	Pulangan secara tunai sebanyak RM1,700,000 termasuk premium dan semua kos yang dinyatakan dalam Borang 5A.

4.4.2.2 Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2274 bertarikh 16 November 2011 telah meluluskan cadangan pembangunan dan memperakukan syarikat pemaju yang dilantik di atas dengan syarat sekurang-kurangnya 30% dari nilai kontrak keseluruhan projek penswastaaan ini diberikan kepada syarikat bumiputera tempatan dan memberi kebenaran kepada Majlis untuk dikecualikan daripada mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi urusan pindahmilik atau pajakan pertama.

4.4.2.3 Dalam tahun 2013, Majlis telah menerima bayaran pulangan sebanyak RM885,068 dari pihak syarikat. Pihak syarikat juga telah menjelaskan bayaran premium tanah dan kos-kos lain yang terlibat berjumlah RM714,932 bagi tujuan pemilikan tanah tersebut bagi pihak Majlis yang ditolak dari jumlah pulangan kepada Majlis.

4.4.2.4 Pihak Majlis telah menerima keseluruhan jumlah pulangan iaitu sebanyak RM1,700,000 seperti yang tertakluk dalam perjanjian usahasama yang dimeterai.

4.4.3 Projek Pembinaan Pusat Konvensyen & Hotel di Taman Bougainvillea, Ipoh

4.4.3.1 Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1683 bertarikh 28 Disember 2011 dan Bil. 1671 bertarikh 10 Ogos 2011, telah meluluskan pemilihan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.3 Projek Pembinaan Pusat Konvensyen & Hotel di Taman
Bougainvillea, Ipoh—(sambungan)

syarikat Sycal Berhad untuk dilantik sebagai kontraktor bagi projek pembangunan di atas berserta di mana sekurang-kurangnya 30% nilai kontrak keseluruhan projek penswastaaan ini diberikan kepada syarikat Bumiputera.

4.4.3.2 Perjanjian usahasama di antara Majlis dan syarikat Sycal Berhad telah ditandatangani pada 12 Disember 2012 melibatkan Kos Pembangunan sebanyak RM57,870,841.73 yang mana sebahagiannya akan dibiayai melalui Pinjaman dari Kerajaan Negeri sebanyak RM37 juta dengan tempoh pembayaran balik selama 30 tahun dan kadar faedah 2% setahun.

4.4.3.3 Berikut adalah butiran berkenaan Komponen Projek dan Pulangan kepada Majlis:

Komponen Projek	Pulangan kepada Majlis
Komponen Majlis: Pusat Konvensyen yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> - Dewan Pameran (Aras 1) - Grand Ballroom (Aras 4) - 480 petak letak kereta (Basemen 1 & 2) - Pejabat Pengurusan (Aras 1) - Bilik Mesyuarat (Aras 2) - 8 Bilik Sindiket (Aras 2) - Surau Lelaki dan Wanita (Aras 5) - Tandas Awam (Aras 5) - Taman Bougainvillea (Aras 3) - 2 Unit Kedai Perniagaan - One Malaysia Street Mall 	i. Kos Pembangunan komponen sumbangan kepada Majlis yang dibiayai oleh Syarikat dianggarkan berjumlah RM6.3 juta. ii. Syarikat akan mendahuluikan wang sewaan berjumlah RM12 juta untuk membiayai sebahagian dari kos pembangunan komponen Majlis. iii. Kos pembangunan komponen Majlis yang akan dibiayai oleh Syarikat melalui wang sebanyak RM8.7 juta selaku sebahagian nilai tanah tersebut sepertimana yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Negeri Perak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.3 Projek Pembinaan Pusat Konvensyen & Hotel di Taman
Bougainvillea, Ipoh—(sambungan)

Komponen Projek	Pulangan kepada Majlis
Komponen Syarikat: (a) Hotel (b) SOHO Service Apartmen (c) 282 petak letak kereta (d) Kedai-Kedai Perniagaan	

4.4.4 Projek yang diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Bil.	Nama Projek	2014 (RM)	2013 (RM)
(a)	Pengambilan Tanah Jalan Dr Nazrin Shah	151,000	151,000
(b)	Pasar Tanjung Rambutan	613,714	613,714
(c)	Perpustakaan Awam Tun Razak	0	70,000
(d)	Pusat Konvensyen Ipoh	5,253,424	485,583
(e)	Tandas Awam Pavillion Padang Ipoh	0	60,000
(f)	30 Unit Gerai Lot 35376 Chemor	1,221,000	140,350
(g)	Pusat Transformasi Bandar (UTC)	0	35,512,898
(h)	Dewan Serbaguna Desa Rishah	0	448,411
(i)	Dewan Komuniti 1 Malaysia Taman Cempaka	1,050,343	227,270
(j)	Naiktaraf 8 Unit Tandas Tkt. 6, 7 & 8, Ibu Pejabat MBI	95,415	0
(k)	Naiktaraf Gerai & Ruang Makan Awam UTC	1,586,846	0
(l)	Pembangunan Semula Pasar Ayam dan Parkir Bertingkat	1,726,591	0
(m)	Pembaikan Pasar Borong Menglembu	97,524	0
(n)	Memasang Paip Bekalan Air Gerai Bawah Tali Api, Manjoi	32,620	0

(a) Pengambilan Tanah Jalan Dr Nazrin Shah

Kos asal Kontrak	RM300,000	
(-) Bayaran	RM151,000	(Nota 6)
	<hr/>	
Komitmen Modal	RM149,000	
	<hr/>	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.4 Projek yang diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan—(sambungan)

(b) Pasar Tanjung Rambutan			
Kos asal Kontrak	RM	719,664	
(-) Bayaran	RM	613,714	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	105,590	
		<hr/>	
(c) Pusat Konvensyen Ipoh			
Kos asal Kontrak	RM	59,311,148	
(-) Bayaran	RM	5,253,424	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	54,057,724	
		<hr/>	
(d) 30 Unit Gerai Lot 35376 Chemor			
Kos asal Kontrak	RM	1,235,395	
(-) Bayaran	RM	1,221,000	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	14,395	
		<hr/>	
(e) Dewan Komuniti 1 Malaysia Taman Cempaka			
Kos asal Kontrak	RM	1,353,818	
(-) Bayaran	(RM)	1,050,343	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	303,475	
		<hr/>	
(f) Naiktaraf 8 Unit Tandas Tkt. 6, 7 & 8, Ibu Pejabat MBI			
Kos asal Kontrak	RM	147,215	
(-) Bayaran	(RM)	95,415	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	51,800	
		<hr/>	
(g) Naiktaraf Gerai & Ruang Makan Awam UTC			
Kos asal Kontrak	RM	2,555,346	
(-) Bayaran	(RM)	1,586,846	(Nota 6)
		<hr/>	
Komitmen Modal	RM	968,500	
		<hr/>	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.4 KOMITMEN MODAL—(sambungan)

4.4.4 Projek yang diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan—(sambungan)

(h) Pembangunan Semula Pasar Ayam dan Parkir Bertingkat

Kos asal Kontrak	RM12,390,848
(-) Bayaran	(RM 1,726,591) (Nota 6)
	<hr/>
Komitmen Modal	RM10,664,257
	<hr/>

(i) Pembaikan Pasar Borong Menglembu

Kos asal Kontrak	RM 482,575
(-) Bayaran	(RM 97,524) (Nota 6)
	<hr/>
Komitmen Modal	RM 385,051
	<hr/>

(j) Memasang Paip Bekalan Air Gerai Bawah Tali Api, Manjoi

Kos asal Kontrak	RM 39,420
(-) Bayaran	(RM 32,620) (Nota 6)
	<hr/>
Komitmen Modal	RM 6,800
	<hr/>

4.5 HAKMILIK TANAH KERAJAAN NEGERI

Termasuk di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada bangunan milikan Majlis tetapi status tanah masih di atas milikan Kerajaan Negeri.

4.6 PEMBERIAN KUASA UNTUK PENGISUAN

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 telah diberikuasa untuk pengisumannya berdasarkan kepada resolusi Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis Bandaraya Ipoh yang bertarikh 23 Februari 2015.

4.7 PERISTIWA SUSULAN

Baki pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM11,042,534 adalah pinjaman yang diterima bagi projek saluran najis bandar dan pembentungan. Pinjaman tersebut adalah melalui Kerajaan Negeri untuk membiayai Majlis dalam pembinaan sistem pembentungan baru di kawasan Bandaraya Ipoh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4.7 PERISTIWA SUSULAN—(sambungan)

Sistem pembentungan dan perkhidmatan saluran najis bandar Ipoh telah diswastakan dan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (“IWK”) pada 1 Disember 1994 tetapi tanggungan pinjaman tersebut tidak dipindahkan kepada IWK kerana tidak ada sebarang perjanjian dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk memindahkan pinjaman tersebut.

Memandangkan perkhidmatan saluran najis bandar telah diswastakan, semua aset dan tanggungan seharusnya telah dipindahkan ke IWK. Oleh itu, pinjaman saluran najis bandar sebanyak RM11,042,534 seharusnya telah dipindahkan kepada IWK dan tidak lagi menjadi tanggungan kepada Majlis. Ini mengakibatkan tanggungan Majlis terlebih nyata sebanyak RM11,042,534.

Kerajaan Persekutuan telah memaklumkan bahawa baki pinjaman IWK adalah tidak perlu dibayar. Walau bagaimanapun, pinjaman tersebut perlu dikekalkan sebagai rekod sehingga Perjanjian Tambahan di antara Kerajaan Malaysia dengan IWK dimuktamad.

4.8 ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu dalam Penyata Kewangan ini telah dikelaskan semula selaras dengan pembentangan akaun semasa.

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
2014

	Tanah Milikbebas	Tanah Pajakan	*Tanah Tasek	**Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
HARTANAH KOS/PENILAIAN					
Baki Pada 1/1/2014	1,179,000	3,061,600	10	167,072,424	171,313,034
Tambahan Dalam Tahun	0	0	0	434,420	434,420
Pindahan dari Kerja Dalam Perlaksanaan	0	0	0	36,091,309	36,091,309
Pemberian Kerajaan	0	0	0	2,330,165	2,330,165
Hapuskira/Pelupusan	0	0	0	(1,348,055)	(1,348,055)
Baki Pada 31/12/2014	1,179,000	3,061,600	10	204,580,263	208,820,873
ANALISA KOS & PENILAIAN 31 Disember 2014					
Penilaian	1,179,000	3,061,600	0	140,407,400	144,648,000
Kos	0	0	10	64,172,863	64,172,873
	1,179,000	3,061,600	10	204,580,263	208,820,873

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(sambungan)

2014

	Tanah Milikbebas	Tanah Pajakan	*Tanah Tasek	**Bangunan	Jumlah
SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Baki Pada 1/1/2014	0	831,588	0	19,682,114	20,513,702
Kadar dikenakan tahun semasa	0	207,897	0	5,946,707	6,154,604
Hapuskira/Pelupusan	0	0	0	(183,943)	(183,943)
Baki Pada 31/12/2014	0	1,039,485	0	25,444,878	26,484,363
NILAI BUKU BERSIH					
31 Disember 2014	1,179,000	2,022,115	10	179,135,385	182,336,510
		Hartanah	Loji dan Kenderaan	Peralatan	Jumlah
KOS/PENILAIAN					
	RM	RM	RM	RM	
Baki Pada 1/1/2014	171,313,034	37,423,308	34,702,025	243,438,367	
Tambahan Dalam Tahun	434,420	304,785	937,411	1,676,616	
Pindahan dari Kerja Dalam Pelaksanaan	36,091,309	0	0	36,091,309	
Pemberian Kerajaan	2,330,165	440,120	29,750	2,800,035	
Hapuskira/Pelupusan	(1,348,055)	(760,824)	(569,091)	(2,677,970)	
Baki Pada 31/12/2014	208,820,873	37,407,389	35,100,095	281,328,357	
ANALISA KOS & PENILAIAN					
31 Disember 2014					
Penilaian	144,648,000	0	0	144,648,000	
Kos	64,172,873	37,407,389	35,100,095	136,680,357	
	208,820,873	37,407,389	35,100,095	281,328,357	
SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Baki pada 1/1/2014	20,513,702	31,293,459	28,773,202	80,580,363	
Kadar dikenakan tahun semasa	6,154,604	2,304,078	1,992,648	10,451,330	
Hapuskira/Pelupusan	(183,943)	(707,213)	(568,915)	(1,460,071)	
Baki pada 31/12/2014	26,484,363	32,890,324	30,196,935	89,571,622	
NILAI BUKU BERSIH					
31 Disember 2014	182,336,510	4,517,065	4,903,160	191,756,735	

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktirafkan secara akruan di mana perlu.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 Susutnilai

3.2.1 Susutnilai adalah diperuntukan dan dikira berdasarkan kaedah garisan lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

Pengiktirafan Susutnilai

i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum/pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

ii. Tiada peruntukan susutnilai dibuat ke atas tanah milik bebas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(sambungan)

3.2 Susutnilai—(sambungan)

3.2.2 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	:	2%
Gerai	:	5%
Kenderaan	:	20%
Kelengkapan Pejabat	:	10%
Peralatan	:	25%

3.3 Carum Bantu Kadar

Pemberian Caruman Bantuan Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 Geran Kerajaan

3.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangka hayat harta tersebut (pendapatan ditundakan mengikut amaun susutnilai tahunan) dan dipersembahkan dalam Lembaran Imbangan sebagai Pemberian Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

3.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada geran yang berkaitan dengan harta tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

3.4.3 Pelupusan/penjualan harta tetap dari Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan diiktiraf sebagai Pendapatan. Geran Kerajaan yang diterima dalam bentuk cek untuk kemudahan awam diiktiraf sebagai pendapatan/Perbelanjaan.

3.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik tahunan yang akan dibayar pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang akan mengurangkan jumlah pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*sambungan*)

3.7 Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

3.8 Kemudahan Awam

Kemudahan yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta dan tidak dipermodalkan.

3.9 Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan faedah untuk simpanan tetap perbankan secara Islam di ambilkira berdasarkan asas tunai.

3.10 Peruntukan Hutang Ragu

Tunggakan Cukai Taksiran yang melebihi enam (6) tahun ke atas diambilkira sebagai peruntukan hutang ragu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN 2014

Jenis Hartanah, Loji Dan Peralatan Pada Kos	Tanah		Bangunan		Gerai		Kenderaan		Kelengkapan Pejabat		Peralatan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos pada 1 Januari	2,187,006	27,774,156	11,320,577	4,167,297	1,991,541	359,780	47,800,357							
Tambahan dalam tahun	0	11,301,628	0	134,807	115,031	20,700	11,572,166							
Jualan/hapuskira dalam tahun	(446,017)	0	0	(112,450)	(32,998)	(27,500)	(618,965)							
Kos pada 31 Disember	1,740,989	39,075,784	11,320,577	4,189,654	2,073,574	352,980	58,753,558							
Susutnilai terkumpul pada 1 Januari	0	4,477,705	5,256,354	2,891,977	1,154,220	303,680	14,083,936							
Susutnilai semasa	0	551,486	544,595	287,641	144,588	21,532	1,549,842							
Jualan/hapuskira/tambahan		0	0	(112,450)	(32,994)	(27,498)	(172,942)							
Susutnilai Terkumpul pada 31 Disember	0	5,029,191	5,800,949	3,067,168	1,265,814	297,714	15,460,836							
Nilai Buku Bersih	1,740,989	34,046,593	5,519,628	1,122,486	807,760	55,266	43,292,722							

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan Majlis adalah bangunan dengan kos berjumlah RM3,676,705.56 yang dibina di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan yang disewa oleh pihak Majlis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN 2013—(sambungan)

Jenis Hartanah, Loji Dan Peralatan Pada Kos	Tanah		Bangunan		Gerai		Kenderaan		Kelengkapan Pejabat		Peralatan		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos pada 1 Januari	1,829,480	26,038,516	10,833,077	3,107,237	1,862,525	314,028	43,984,863							
Tambahan dalam tahun	421,777	1,735,640	487,500	1,060,060	132,416	45,752	3,883,145							
Jualan/hapuskira dalam tahun	(64,251)	0	0	0	(3,400)	0	(67,651)							
Kos pada 31 Disember	2,187,006	27,774,156	11,320,577	4,167,297	1,991,541	359,780	47,800,357							
Susutnilai terkumpul pada 1 Januari	0	3,923,732	4,711,629	2,799,606	1,022,935	271,753	12,729,655							
Susutnilai semasa	0	535,373	544,725	92,371	133,325	31,927	1,337,721							
Jualan/hapuskira/tambahan		18,600	0	0	(2,040)	0	16,560							
Susutnilai Terkumpul pada 31 Disember	0	4,477,705	5,256,354	2,891,977	1,154,220	303,680	14,083,936							
Nilai Buku Bersih	2,187,006	23,296,451	6,064,223	1,275,320	837,321	56,100	33,716,421							

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan Majlis adalah bangunan dengan kos berjumlah RM3,676,705.56 yang dibina di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan yang disewa oleh pihak Majlis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
5. KERJA DALAM PELAKSANAAN		
Pembinaan 8 Unit Gerai Di Jalan Padang Tembak	200,000	0
	200,000	0
6. PENGHUTANG		
Cukai Taksiran Am	2,446,158	2,431,816
Sewa Gerai	188,530	160,810
Caruman Bantuan Kadar	0	12,802
Pelbagai Penghutang	130,610	189,398
Jumlah	2,765,298	2,794,826
Penghutang Pinjaman Kakitangan Kenderaan		
Baki pada awal tahun	9,104	6,618
Bayaran balik pinjaman (pokok) sehingga akhir tahun	(2,673)	(2,514)
Pinjaman diberi pada tahun semasa	0	5,000
Baki pada akhir tahun	6,431	9,104
Komputer		
Baki pada awal tahun	106,377	123,463
Bayaran balik pinjaman (pokok) sehingga akhir tahun	(57,241)	(51,086)
Pinjaman diberi pada tahun semasa	34,070	34,000
Baki pada akhir tahun	83,206	106,377
Jumlah	89,637	115,481
	2,854,935	2,910,307
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu (Cukai Taksiran Am)	(13,168)	(13,168)
	2,841,767	2,897,139

Tunggakan cukai taksiran yang tidak berubah melebihi enam (6) tahun ke atas diambilkira sebagai peruntukan hutang ragu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
7. SIMPANAN TETAP		
Baki Pada 1 Januari	8,521,000	10,521,000
Campur:		
Penambahan Dalam Tahun	0	0
Tolak:	8,521,000	10,521,000
Pengeluaran Dalam Tahun	(1,000,000)	(2,000,000)
Baki pada 31 Disember	7,521,000	8,521,000

Sejumlah RM1,800,000 daripada wang simpanan tetap adalah terdiri daripada wang Cagaran.

	2014 RM	2013 RM
8. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Akaun Simpanan Semasa	658,782	222,779
Akaun Kutipan Hasil (Maybank)	119,120	129,394
Akaun Kutipan Hasil (BSN)	9,329	100,625
Akaun Amanah	137,887	80,840
Akaun Pembasmian Kemiskinan Bandar	251,414	140,909
Akaun Ransangan Ekonomi	3,000	3,000
Akaun Kutipan Hasil (Public Bank)	3,234	29,063
Akaun Sumbangan Saliran JPS	167	10,980
Panjar Wang Runcit	2,400	1,000
	1,185,333	718,590

Akaun kutipan Hasil (MayBank) menguruskan kutipan cukai taksiran MPTI yang dipungut oleh PBT lain di Perak.

Akaun kutipan hasil BSN dan Public Bank menguruskan kutipan cukai taksiran bagi orang awam membuat bayaran.

Akaun Sumbangan Saliran JPS menguruskan bayaran deposit syarat am daripada pemaju. Wang ini akan dikeluarkan dan dibayar ke pejabat JPS Negeri Perak.

Akaun Amanah mengandungi wang cagaran untuk dipegang sebagai amanah bagi maksud seperti menjalankan projek pembangunan, jaminan perlaksanaan projek, khidmat pembersihan, sewa dewan, sewa gerai, sewa bangunan dan lain-lain cagaran. Selain itu akaun Amanah juga mengandungi wang yang diperuntukkan bagi tujuan pinjaman kenderaan dan komputer kepada anggota Majlis.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

Akaun Pakej Ransangan Ekonomi bertujuan penyaluran Peruntukan projek-projek pembangunan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bagi mengatasi masalah krisis ekonomi global.

Akaun Pembasmian Kemiskinan Bandar bertujuan penyaluran bantuan sewa rumah untuk penduduk miskin oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Panjar wang runcit telah ditambah dalam tahun semasa sebanyak RM1,400 untuk pertukaran wang kecil di kaunter juruwang.

	2014 RM	2013 RM
9. PEMIUTANG		
Bayaran Audit	23,456	23,456
Pelbagai Pemiutang	794,158	1,595,253
	<u>817,614</u>	<u>1,618,709</u>
10. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	757,972	126,447
Carum Bantuan Kadar	172,345	172,345
Sewa Gerai	9,949	9,367
Sewa Bangunan Perniagaan	16,800	90
Pinjaman Kakitangan	103	155
	<u>957,169</u>	<u>308,404</u>
11. CAGARAN		
Baki pada 1 Januari	1,851,958	1,997,930
Campur: Penambahan Dalam Tahun	430,395	231,080
	<u>2,282,353</u>	<u>2,229,010</u>
Tolak: Pengeluaran Dalam Tahun	(399,536)	(377,052)
	<u>1,882,817</u>	<u>1,851,958</u>

Wang Cagaran adalah wang awam yang dipegang oleh Majlis sebagai jaminan terhadap perkhidmatan/kerja yang telah diberikan oleh Majlis. Cagaran tersebut terdiri daripada sewa dewan, gerai, bangunan, kontrak perkhidmatan pembersihan dan projek pembangunan. Tuntutan bayaran balik cagaran akan dibuat apabila perkhidmatan/kerja dilaksanakan dengan sempurna mengikut syarat/perjanjian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
12. KUMPULAN WANG TERKUMPUL		
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan	7,037,564	(1,377,308)
Baki Pada Awal Tahun Seperti Dilaporkan Dahulu	19,379,432	18,373,984
Pelarasan Tahun Lalu	345	2,382,756
	19,379,777	20,756,740
Seperti Yang Dinyatakan Semula		
Baki pada 31 Disember	26,417,341	19,379,432
		2014 RM
Pelarasan tahun lalu adalah berkaitan perkara-perkara berikut:		
Pelarasan hapuskira tunggakan Sumbangan Membantu Kadar Negeri tahun 2002 - 2005		(7,709)
Pelarasan tahun lalu perkhidmatan latihan kakitangan		18,143
Pelarasan cek batal perkhidmatan latihan Ahli Majlis 2013		6,280
Pelarasan Sumbangan Membantu Kadar Berkanun yang tertinggal tahun 2012		4,140
Pelarasan semula lebih bayaran dan baki tunggakan Cukai Taksiran pada 31/12/2013 berdasarkan kepada laporan e-PBT		(6,564)
Pelarasan batal bil sewa bangunan perniagaan dan sewa gerai tahun 2013		(4,783)
Pelarasan semula remisi Sumbangan Membantu Kadar LPN 2013		(798)
Pelarasan tahun lalu Cukai Taksiran		(8,364)
		345
		2013 RM
Pelarasan tahun lalu adalah berkaitan perkara-perkara berikut:		
Pelarasan susutnilai bangunan Projek Usahasama Jalan Speedy terkurang diambilkira dalam tahun 2012		(18,600)
Pelarasan kos bangunan projek usahasama Jalan Speedy terkurang diambilkira dalam tahun 2012		865,749
Pelarasan hasil projek usahasama bangunan perniagaan PT10062 & PT10063 yang tersalah diambilkira tahun 2012		1,504,500

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

Pelarasan tahun lalu adalah berkaitan perkara-perkara berikut:—(sambungan)

	2013
	RM
Pelarasan bayaran cukai taksiran di bawah peruntukan hutang ragu yang belum diambilkira tahun 2012	26,351
Pelarasan hapuskira peruntukan hutang ragu cukai taksiran tahun 2012	(7,783)
Pelarasan elaun Ahli Majlis terbayar dua kali tahun 2012	(750)
Pelarasan perbezaan baki tunggakan cukai taksiran pada 31/12/13 antara sistem e-PBT dan manual	8,639
Pelarasan semula batal tunggakan sewa bangunan perniagaan 2012	3,050
Pelarasan semula dua akaun bil sewa yang tidak diambilkira tahun 2000	1,600
	2,382,756

2014	2013
RM	RM

13. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN

Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan Bandar		
Baki pada 1 Januari	104,317	125,875
Penerimaan Dalam Tahun	247,008	202,192
	351,325	328,067
Pembayaran Dalam Tahun	(101,184)	(223,750)
	250,141	104,317
Kumpulan Wang Program Negeri		
Baki Pada 1 Januari	116,358	46,802
Penerimaan Dalam Tahun	6,367	222,748
Pembayaran Dalam Tahun	(119,966)	(153,192)
	2,759	116,358

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

13. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Kumpulan Wang Sisa Pepejal		
Baki Pada 1 Januari	12,808	320,000
Penerimaan dalam tahun	0	1,099,700
Pembayaran dalam tahun	(12,808)	(1,406,892)
Baki Pada 31 Disember	0	12,808
Kumpulan Wang LA21		
Penerimaan dalam tahun	40,000	0
Pembayaran dalam tahun	(10,000)	0
Baki pada 31 Disember	30,000	0
Kumpulan Wang Pilihan raya Kecil Teluk Intan		
Penerimaan dalam tahun	50,000	0
Pembayaran dalam tahun	(49,862)	0
Baki pada 31 Disember	138	0
Kumpulan Wang Unit Kesejahteraan Bandar (UKB)		
Penerimaan dalam tahun	42,219	0
Pembayaran dalam tahun	(41,605)	0
Baki pada 31 Disember	614	0
Kumpulan Wang Jawatankuasa Perwakilan Pendudukan (JPP)		
Penerimaan dalam tahun	45,000	0
Pembayaran dalam tahun	(40,000)	0
Baki pada 31 Disember	5,000	0

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

13. KUMPULAN WANG LAIN-LAIN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Kumpulan Wang Bayaran Balik		
Penerimaan dalam tahun	127,868	0
Pembayaran dalam tahun	(121,024)	0
Baki pada 31 Disember	6,844	0
Jumlah baki pada 31 Disember	295,496	233,483

14. KUMPULAN WANG MENGURUS

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Januari	0	2,858
Penerimaan dalam tahun	33,950	33,854
	33,950	36,712
Pembayaran dalam tahun	(33,950)	(36,712)
Baki Pada 31 Disember	0	0

15. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Kumpulan Wang Program Rangsangan Ekonomi		
Baki pada 1 Januari	2,996	2,996
Penerimaan Dalam Tahun	0	0
Baki pada 31 Disember	2,996	2,996
Kumpulan Wang Bandar Selamat		
Baki pada 1 Januari	319	300
Penerimaan Dalam Tahun	0	0
Baki pada 31 Disember	319	319

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

15. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Kumpulan Wang Pelancongan		
Baki pada 1 Januari	1,051	1,051
Penerimaan dalam tahun	30,000	0
	<u>31,051</u>	<u>1,051</u>
Pembayaran dalam tahun	(29,800)	0
Baki pada 31 Disember	<u>1,251</u>	<u>1,051</u>
Kumpulan Wang Infrastruktur		
Baki pada 1 Januari	0	1,504,500
Pembayaran dalam tahun	0	(1,504,500)
Baki pada 31 Disember	<u>0</u>	<u>0</u>
Kumpulan Wang Parkir		
Baki pada 1 Januari	140,000	67,500
Penerimaan dalam tahun	62,500	72,500
Baki pada 31 Disember	<u>202,500</u>	<u>140,000</u>
Kumpulan Wang Industri Kancil		
Baki pada 1 Januari	72,000	0
Penerimaan dalam tahun	0	72,000
Baki pada 31 Disember	<u>72,000</u>	<u>0</u>
Kumpulan Wang KPKT		
Penerimaan dalam tahun	638,862	0
Pembayaran dalam tahun	(296,453)	0
Baki pada 31 Disember	<u>342,409</u>	<u>0</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

15. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Kumpulan Caj Pemajuan		
Penerimaan dalam tahun	740,000	0
Baki pada 31 Disember	740,000	0
Jumlah pada 31 Disember	1,361,475	216,366

Kumpulan Wang Parkir adalah bayaran yang diterima daripada pemaju sebagai syarat am penyediaan petak letak kereta bagi setiap projek pembangunan. Wang ini akan digunakan untuk tujuan tersebut.

Kumpulan Wang Infrastruktur telah diselaraskan ke akaun pendapatan.

Kumpulan Wang Industri Kancil adalah bayaran yang diterima daripada pemaju untuk tujuan naiktaraf laluan simpang.

	2014 RM	2013 RM
16. KUMPULAN WANG SALIRAN		
Baki pada 1 Januari	10,850	77,840
Penerimaan dalam tahun	141,801	146,726
Pembayaran dalam tahun	152,651 (152,651)	224,566 (213,716)
Baki pada 31 Disember	0	10,850

Mulai tahun 2011 Majlis telah menerima bayaran daripada pemaju-pemaju, semasa di peringkat mendapatkan kelulusan susunatur berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan. Wang ini akan dikeluarkan dan dibayar kepada Pengarah JPS Negeri Perak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

17. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan harta loji dan peralatan.

2014	Baki Pada 1.1.2014	Tambahan	Jumlah diperuntukan kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31.12.2014
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	11,703,476	2,801,627	(266,417)	14,238,686
Gerai	5,957,388	200,000	(497,452)	5,659,936
Kenderaan	1,060,089	17,580	(215,528)	862,141
Kelengkapan Pejabat	2,494	0	(270)	2,224
Peralatan	29,768	9,100	(12,354)	26,514
	18,753,215	3,028,307	(992,021)	20,789,501

Pada tahun 2013 Majlis telah menerima 3 unit kedai desa 2 tingkat di atas lot 282, pekan Langkap daripada Uda Holdings Berhad. Disebabkan tiada kos diberikan maka kos bangunan telah dinyatakan pada nilai RM10 sehingga kos sebenar diperolehi.

2013	Baki Pada 1.1.2013	Tambahan	Jumlah diperuntukan kpd Pendapatan Jangka Masa	Baki Pada 31.12.2013
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	11,148,140	805,640	(250,304)	11,703,476
Gerai	6,167,344	287,500	(497,456)	5,957,388
Kenderaan	29	1,060,060	0	1,060,089
Kelengkapan Pejabat	62	2,702	(270)	2,494
Peralatan	13,636	37,052	(20,920)	29,768
	17,329,211	2,192,954	(768,950)	18,753,215

18. PINJAMAN JANGKA PANJANG

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Januari	2,419,409	3,380,733
Tolak: Pinjaman Jangka Pendek	(306,320)	(961,324)
Baki pada 31 Disember	2,113,089	2,419,409

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

18. PINJAMAN JANGKA PANJANG—(sambungan)

Majlis Perbandaran Teluk Intan telah menandatangani Perjanjian pinjaman wang dengan Kerajaan Negeri pada 17 September 2003 sebanyak RM3 juta dan pinjaman tambahan sebanyak RM3 juta pada 29 Julai 2005. Tujuan pinjaman adalah untuk pembiayaan pembinaan projek pejabat baru Majlis Perbandaran Teluk Intan. Ansuran pinjaman pertama berakhir pada tahun 2014 manakala ansuran pinjaman tambahan akan berakhir pada tahun 2021.

19. PROJEK PEMBANGUNAN USAHASAMA

Projek usahasama di antara MPTI dengan TSH Concrete Industries Sdn Bhd.

Satu perjanjian pembangunan usahasama telah ditandatangani di antara Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan Tsh Concrete Industries Sdn. Bhd. Pada 4 Mei 2012 untuk membangunkan tanah milik Majlis lot 10062 dan 10063 yang terletak dalam bandar Teluk Intan dengan berkonsepkan Majlis menyumbang tanah dan pemaju menyumbang modal membangunkan projek tersebut. Sebagai balasan, Majlis akan mendapat wang tunai sebanyak RM5,015,000 dan 7 unit lot tengah bernilai RM1,000,000 setiap satu dan 1 unit lot hujung RM1,500,000. Oleh itu balasan sepenuhnya yang akan diterima oleh Majlis adalah berjumlah RM13,515,000.

Pada tahun 2013 Majlis telah mendapat kelulusan pembatalan hakmilik tanah PT10062 dan PT10063 untuk tujuan pemecahan kepada plot-plot 30 unit. Penyerahan kunci bangunan kepada Majlis telah dilaksanakan pada 19 November 2014.

	2014 RM	2013 RM
20. HASIL CUKAI		
Cukai Taksiran Am	10,299,942	8,964,232
Carum Bantu Kadar	430,847	388,404
	10,730,789	9,352,636
21. HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen Dan Pendaftaran	1,786,985	1,570,477
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	1,091,039	903,978
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	86,545	66,273
Sewaan	2,112,578	1,899,405

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

21. HASIL BUKAN CUKAI—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Faedah Dari Simpanan Tetap Dan Pinjaman	297,017	363,405
Denda Dan Hukuman	594,690	579,684
Hasil Projek Usahasama	8,921,311	3,009,000
Jumlah	14,890,165	8,392,222

22. TERIMAAN BUKAN HASIL

Geran Tahunan	2,446,201	2,446,201
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	992,021	768,950
Pelbagai Hasil	201,751	230,611
Peruntukan Hutang Ragu Baikpulih	0	9,393
Sumbangan Bil Elektrik Dari KPKT	655,315	535,132
Sumbangan Penyelenggaraan Jalanraya	354,277	0
Keuntungan dari pelupusan aset	4	0
Jumlah	4,649,569	3,990,287

23. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	6,364,221	5,913,511
Elaun Tetap	2,163,275	2,168,436
Sumbangan Berkanun	1,125,785	1,058,297
Elaun Lebih Masa	1,122,260	1,063,002
Faedah Kewangan Yang Lain	425,075	809,577
Jumlah	11,200,616	11,012,823

24. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup Dan Pengangkutan Barang	261,604	228,233
Perhubungan Dan Utiliti	2,959,320	1,589,423
Sewaan	209,853	182,175
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan	719,879	679,704
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	464,658	476,049

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

24. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	999,044	2,752,575
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	3,801,341	4,102,299
	9,415,699	10,010,458

25. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Pemberian Kepada Kelab Sukan	30,000	50,000
Faedah atas Pinjaman Kerajaan Negeri	135,229	172,203
Bantuan Lain-Lain	139,712	154,173
	304,941	376,376

26. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Cukai Tanah	87,538	99,867
Premium Insuran, Komisyen Bank Dan Bayaran Lain	224,890	214,060
Bayaran Balik Hasil/Lain-Lain	3,409	35,072
Hapuskira Kehilangan	421,311	0
	737,148	348,999

No. 1397.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;

- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

BARIDATUL ANITA BINTI BIDIN
b.p Ketua Audit Negara
Malaysia

IPOH
13 Julai 2015

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
DAERAH PENGKALAN HULU
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Mohd Syukri bin Azaari dan Dzul kifli bin Hassan Shaari, yang merupakan Ahli Majlis Daerah Pengkalan Hulu dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya dan perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

t.t.

Ahli Majlis
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan

Ahli Majlis
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan

Bertarikh: 13 April 2015

Bertarikh: 13 April 2015

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU,
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Mohd Syukri bin Azaari, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu, dengan ikhlasnya

mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-Nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh) t.t.
 Penama yang tersebut di atas)
 Di Pejabat Majlis Daerah) MOHD SYUKRI BIN AZAARI
 Pengkalan Hulu pada 13 April 2015) *Yang Dipertua*
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan

Di hadapan saya,
 t.t
Pesuruhjaya Sumpah

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	16,199,753	15,410,670
		16,199,753	15,410,670
ASET SEMASA			
Penghutang	5	234,073	170,520
Pendahuluan Pinjaman	6	15,291	3,083
Bayaran Terdahulu	7	17,152	15,258
Cagaran Dibayar	8	9,500	9,500
Simpanan Tetap	9	1,475,837	1,014,414
Wang di Bank Dan di Tangan	10	1,021,142	890,984
		2,772,995	2,103,759
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang	11	136,647	188,686
Terimaan Terdahulu	12	13,920	11,713
Cagaran Diterima	13	219,812	204,782
Pinjaman Jangka Pendek	27	54,016	51,939
		424,395	457,120

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

	Nota	2014 RM	2013 RM
ASET SEMASA BERSIH		2,348,600	1,646,639
		<u>18,548,353</u>	<u>17,057,309</u>
Dibiayai Oleh:			
Kumpulan Wang Terkumpul	14	2,358,934	1,870,093
Kumpulan Wang Lain-Lain	14	530,643	215,241
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	15	14,814,672	14,073,855
		<u>17,704,249</u>	<u>16,159,189</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman Jangka Panjang	27	844,104	898,120
		<u>18,548,353</u>	<u>17,057,309</u>

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	16	1,289,501	1,147,190
Hasil Bukan Cukai	17	1,209,861	696,241
Terimaan Bukan Hasil	18	2,005,846	1,903,950
JUMLAH		<u>4,505,208</u>	<u>3,747,381</u>
PERBELANJAAN			
Emolumen	19	2,116,669	2,014,123
Perkhidmatan dan Bekalan	20	1,104,467	777,451
Harta Modal	21	20,993	44,713
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	22	51,644	60,925
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	23	52,550	38,563
Perbelanjaan Bukan Kewangan	24	677,221	568,470
JUMLAH		<u>4,023,544</u>	<u>3,504,245</u>
LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		<u>481,664</u>	<u>243,136</u>

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31 DISEMBER 2014**

	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2013	1,626,957	80,000	11,625	-	1,104	1,719,686
Lebihan Pendapatan bagi tahun	243,136	-	-	-	-	243,136
Tambahan	-	-	100,000	30,000	-	130,000
Perbelanjaan	-	-	(7,488)	-	-	(7,488)
Baki Pada 31 Disember 2013	1,870,093	80,000	104,137	30,000	1,104	2,085,334
Pelarasan Tahun Lalu	7,177	-	-	-	-	7,177
Baki Pada 31 Disember 2013 Dinyatakan Semula	1,877,270	80,000	104,137	30,000	1,104	2,092,511
Lebihan Pendapatan bagi tahun	481,664	-	-	-	-	481,664
Tambahan Sumbangan Semasa	-	-	461,440	-	88,529	549,969
Perbelanjaan	-	-	(116,137)	(30,000)	(88,430)	(234,567)
Baki Pada 31 Disember 2014	2,358,934	80,000	449,440	-	1,203	2,889,577

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan	481,664	243,136
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan wang tunai:		
Faedah Pelaburan	(35,615)	(40,888)
Susutnilai	673,571	568,417
Pelarasan tahun lalu	7177	-
Pindahan dari pemberian kerajaan dimodalkan	(624,546)	(520,943)
Belanja pelupusan	523	53
Hapuskira Aset	-	2
Lebihan pendapatan sebelum perubahan modal kerja	<u>502,774</u>	<u>249,777</u>
Pertambahan dalam Penghutang	(63,553)	(33,106)
Pertambahan/Pengurangan dalam Pendahuluan Pinjaman	(12,208)	1,000
Pengurangan dalam Bayaran Terdahulu	(1,894)	(2,147)
Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pemiutang	(52,039)	121,611
Pertambahan dalam Terimaan Terdahulu	2,207	6,959
Pertambahan dalam Cagaran	15,030	21,484
Kumpulan Wang Pembangunan	345,303	92,512
Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan	(30,000)	30,000
Kumpulan Wang Lain-Lain	99	-
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	<u>705,719</u>	<u>488,090</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah Pelaburan Diterima	35,615	40,888
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(97,814)	(206,420)
Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(62,199)</u>	<u>(165,532)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pembayaran Pinjaman	(51,939)	81,579
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Kewangan	<u>(51,939)</u>	<u>81,579</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN—(sambungan)

	2014 RM	2013 RM
Pengurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	591,581	404,137
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	1,905,398	1,501,261
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	2,496,979	1,905,398
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili oleh:		
Simpanan Tetap	1,475,837	1,014,414
Wang Di Bank dan di Tangan	1,021,142	890,984
	<hr/>	<hr/>
	2,496,979	1,905,398
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Merancang, Mengurus dan Mengawal Pembangunan Majlis Daerah Pengkalan Hulu Sebagai Bandar Sempadan yang berdaya maju dan indah.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Mewujudkan kawasan bandar yang selesa, selamat dan harmoni melalui pembinaan keupayaan (*Capacity Building*) yang berterusan dalam pelbagai bidang.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 7 jabatan iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- 1.3.2 Jabatan Perbendaharaan
- 1.3.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- 1.3.4 Jabatan Perkhidmatan Bandar, Kesihatan dan Pelesenan
- 1.3.5 Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan
- 1.3.6 Jabatan Perancang
- 1.3.7 Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)1. MAKLUMAT ORGANISASI—(*sambungan*)

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan dan Professional	1	Tetap	1
Sokongan I	60	Tetap	56
		Kontrak	8
Jumlah	61		65

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 16 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 160)
- iii. Akta Kawalan Perancang (Akta 133) dan
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pelantikan Anggota
- ii. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
- iii. Jawatankuasa Lembaga Tatatertib
- iv. Jawatankuasa Tender/Sebut Harga/Pelantikan Perunding
- v. Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC)
- vi. Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
- vii. Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am
- viii. Jawatankuasa Perancangan Bandar, Penamaan Jalan & Lalu Lintas
- ix. Jawatankuasa Pelesenan dan Pengiklanan, Penjaja Kecil dan Penguatkuasaan
- x. Jawatankuasa Kebersihan, Pengindahan dan Landskap
- xi. Jawatankuasa Kewangan
- xii. Jawatankuasa Pembangunan Hartanah dan Penswastaaan
- xiii. Jawatankuasa Sosial, Pendidikan dan Local Agenda 21

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

2. RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi oblogasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 ASAS PERAKAUNAN

3.1.1. Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2. Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio, tapak. Faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara tunai.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambil kira berdasarkan asas tunai.

3.1.3. Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa menggunakan asas akruan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(sambungan)

3.2. Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30 Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30 Jun tidak diambil kira susutnilainya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah Milik Pajak	:	Tempoh Pajak 99 Tahun
Bangunan	:	2% setahun
Gerai, Green House dan Garage	:	5% setahun
Komplek Mini Sukan	:	5% setahun
Peralatan	:	20% setahun
Kenderaan	:	20% setahun
Perabot & Alat Kelengkapan	:	20% setahun

3.3. Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4. Pendapatan Geran

3.4.1. Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambil kira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

3.4.2. Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertanggung — Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambil kira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014—(*sambungan*)

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN—(*sambungan*)

3.5. Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6. Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang- Pinjaman Dari Kerajaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

3.7. Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambil kira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

3.8. Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskan dan elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014 — (sambungan)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2014	Tanah	Bangunan	Cerai	Green	Garage	Kompleks	Kenderaan	Peralatan	Perabot &	Perabot Chalet	Jumlah
	Milik Pajak	RM	RM	House	RM	Mini Sukan	& Jentera	RM	Kelengkapan	RM	RM
	RM	RM	RM	RM	RM	Podium	RM	RM	Pejabat	RM	RM
Kos Asal/Nilaian											
Baki Awal Tahun	44,419	16,198,257	3,380,006	4,300	118,100	599,484	2,546,727	634,147	349,714	174,925	24,050,079
Tambahan	—	208,428	1,161,287	—	—	—	64,684	6,499	22,308	—	1,463,206
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	(122,740)	(88,518)	(48,097)	(38,560)	(297,915)
Baki Akhir Tahun	44,419	16,406,685	4,541,293	4,300	118,100	599,484	2,488,671	552,128	323,925	136,365	25,215,370
Susutnilai Berkumpul											
Baki Awal Tahun	6,599	3,562,711	1,482,162	4,299	53,725	298,165	2,232,110	508,054	316,740	174,844	8,639,409
Susutnilai Semasa	449	342,808	165,136	—	5,905	23,179	66,747	60,376	8,971	—	673,571
Pelupusan	—	—	—	—	—	—	(122,733)	(88,479)	(47,613)	(38,538)	(297,363)
Baki Akhir Tahun	7,048	3,905,519	1,647,298	4,299	59,630	321,344	2,176,124	479,951	278,098	136,306	9,015,617
Nilai Buku Bersih	37,371	12,501,166	2,893,995	1	58,470	278,140	312,547	72,177	45,827	59	16,199,753

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA 31 DISEMBER 2014—(sambungan)

4. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN—(sambungan)

2013	Tanah Milik Pajak		Bangunan		Gerai		Green House		Garage		Kompleks Mini Sukan Podium		Kenderaan & Jentera		Peralatan		Perabot & Kelengkapan Pejabat		Perabot Chalet		Jumlah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos Asal/Nilaian																							
Baki Awal Tahun	44,419	15,141,357	2,830,022	4,300	118,100	599,484	2,468,529	655,395	337,006	175,825	22,374,437												
Tambahan	0	1,056,900	609,495	0	0	0	285,860	5,300	21,500	0	1,979,055												
Pelupusan	0	0	(59,511)	0	0	0	(207,662)	(26,548)	(8,792)	(900)	(303,413)												
Baki Akhir Tahun	44,419	16,198,257	3,380,006	4,300	118,100	599,484	2,546,727	634,147	349,714	174,925	24,050,079												
Susutnilai Terkumpul																							
Baki Awal Tahun	6,150	3,238,746	1,396,499	4,299	47,820	274,987	2,430,192	472,824	316,088	175,743	8,363,348												
Susutnilai Semasa	449	323,965	134,662	0	5,905	23,178	9,575	61,759	8,924	0	568,417												
Pelupusan	0	0	(48,999)	0	0	0	(207,657)	(26,529)	(8,272)	(899)	(292,356)												
Baki Akhir Tahun	6,599	3,562,711	1,482,162	4,299	53,725	298,165	2,232,110	508,054	316,740	174,844	8,639,409												
Nilai Buku Bersih	37,820	12,635,546	1,897,844	1	64,375	301,319	314,617	126,093	32,974	81	15,410,670												

